

PERANAN SAINS PERUBATAN DALAM  
MENENTUKAN HUKUM KEHARUSAN FASAKH  
KERANA PENYAKIT

AZHAR ABDUL AZIZ

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN FIQH DAN USUL  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2002

Perpustakaan Universiti Malaya



A511113485



## **DEDIKASI**

*Untuk almarhum ayahku,*

*Didoakan semoga rohimu sentiasa dirahmati Allah  
dan di tempatkan bersama para syuhada' semoga  
jasamu dalam mendidik dan mengasuhku akan  
menjadi amal jariah yang memberati timbanganku  
al-mizan.....*

*Untuk bondakku,*

*Pengorbananmu tidak mampu kuu balas walaupun  
dengan segunung emas sekali pun....  
Jasamu tetap kuu kenang hingga ke akhir hayatku.  
Kuu doakan agar dirimu diperpanjangkan usia, sihat  
walaifat serta dipayungi rahmat Allah selalu....*

*Untuk Ayang,*

*Terima kasih di atas segala kesabaran dan pengorbananmu,  
pendorong untuk aku terus bangkit menyiapkan disertasi ini  
Tanpa paksaanmu aku mungkin malas dan alpa lantas terus  
hanyut dibuai mimpi yang tiada penghujungnya....*

*Untuk putera-puteraku,*


*Edin, Imaf, Afif dan Aniq kuu doakan agar kalian menjadi  
anak-anak yang soleh di dunia maah pun di akhirat serta  
sentiasa berjaya dalam menempuh liku-liku hidup yang  
bakal kau lafui....*

## PENGAKUAN

“Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap satunya telah saya perjelaskan sumbernya”

5 Mac 2002

(20 Zulhijjah 1422H)

.....  
  
.....  
(Azhar Bin Abdul Aziz)

## PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين وعلى الله واصحابه

اجمعين

Setinggi-tinggi kesyukuran dipohonkan ke hadrat Ilahi kerana dengan taufik dan hidayah serta ‘inayahNya dapatlah penulis menyiapkan sebuah disertasi ini. Selawat dan salam buat junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w, kepada kaum keluarganya, para sahabat baginda yang telah berjuang untuk menegakkan Agama Allah di muka bumi ini serta sekalian kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat sama ada yang masih hidup mahu pun yang telah kembali ke alam barzakh.

Menerusi ruangan yang amat berharga ini, terlebih dahulu penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam kerana telah memberi peluang kepada penulis untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana di samping membiayai sepenuhnya segala perbelanjaan di sepanjang penulis berada di dalam pengajian tersebut.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Md. Saleh Hj. Md @ Haji Ahmad selaku penyelia kepada penulis yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar, mendidik, membimbing serta mencurahkan segala ilmu pengetahuan sama ada di dalam proses menyempurnakan disertasi, mahu pun semasa penulis berada di dalam kuliah beliau. Begitu juga dengan masa beliau yang diluangkan

untuk membimbing penulis menyiapkan disertasi kerana masa beliau amat berharga sekali. Tanpa bimbingan daripada beliau, tidaklah dapat disertasi ini disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang sama-sama turut terlibat menyumbangkan idea, tenaga ,kepakaran dan sebagainya dalam membantu penulis menyiapkan disertasi ini sama ada secara langsung atau tidak langsung khususnya kepada Dr. Suhaimi Isa, Pakar Perunding Obstetrik & Ginekologi, HKL,Dr. Zulkifli Md. Zainuddin, Pakar Bedah Urologi,HKL, Dr. NorAziah Abdul Kadir Jailani, Pakar Perunding Dermatologi, HKL Dr. Hj. Mohd Ismail Tambi, Pengarah Pusat Kepakaran Dan Reproduksi Manusia, LPPKN dan Sister Hajah Zainon Johar , Ketua Jururawat, PKKN Sungai Buloh. Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Ahmad Muhammad, Dr. Rohani Hashim dan Dr. Ghazali Atan serta Dr. Nurulhuda yang mana kesemua mereka adalah dari klinik panel UiTM.

100%  
Oleh

Dikesempatan ini juga, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan pihak Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Kampus Seksyen 17, UiTM, Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam dan Perpustakaan Awam Selangor. Dengan bantuan yang mereka hulurkan sedikit sebanyak dapat memudahkan kerja-kerja mencari bahan-bahan untuk penulisan disertasi.

Sebelum mengakhiri ruangan ini, penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut melibatkan diri demi menjayakan

penulisan disertasi ini terutamanya kepada Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim, pensyarah di APIUM, Daniel Yusuf, Wan Ismail, Khairul Faezi, Arif Ariffin, Mohd Yadman, Pn. Rohayu Omar, Fauzi Saleh, Mohamed Azam Adil, Nurhidayah dan lain-lain.

Akhir kata, penulis mengharapkan agar disertasi ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat sama ada golongan akademik mahupun non akademik. Dengan ini ianya dapat menjadi amal jariah penulis serta diberkati dan diberi ganjaran pahala oleh Allah, InsyaAllah. Wallahu A'lam .

Sekian. Wassalamu 'Alaikum.

Op&L

Azhar Bin Abdul Aziz  
Pusat Pendidikan Islam  
Universiti Teknologi Mara (UiTM)  
40450 Shah Alam.

5 Mac 2002  
20 Zulhijjah 1422H.

## **ABSTRAK**

Pengajian tentang Fiqh Islam adalah suatu yang dinamik. Ia sentiasa berkembang dan berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada keadaan, suasana serta keperluan hidup manusia di sesebuah tempat. Perlunya Fiqh Islam kepada perubahan semakin ketara khususnya dalam bidang Sains Perubatan yang berkaitan dengan penyakit disebabkan kemajuan teknologi perubatan selaras dengan persaingan globalisasi dan anjakan paradigma telah membolehkan penyakit-penyakit yang dahulunya tidak boleh dirawat dan diubati, tetapi kini telah berjaya dipulihkan sepenuhnya. Kalau tidak pun, ia berjaya dikurangkan bagi membolehkan pesakit menjalani kehidupan yang normal seperti orang lain. Para fuqaha' mazhab telah pun membahagikan penyakit kepada jenis-jenis tertentu untuk membolehkan fasakh perkahwinan. Di antara penyakit yang telah diterima oleh keempat-empat imam mazhab ada lapan jenis yang mana telah dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertama ialah penyakit yang berlaku kepada lelaki sahaja iaitu *al-'unnah, al-jabb* dan *al-khisā*. Kedua ialah penyakit yang berlaku kepada wanita sahaja iaitu *al-qarn* dan *al-ratq* dan ketiga ialah penyakit yang berlaku kepada lelaki dan wanita iaitu *al-junūn, al-judhām* dan *al-baras*. Seterusnya penulisan ini akan melihat kesemua penyakit yang dinyatakan oleh fuqaha' tadi dari perspektif Sains Perubatan serta melihat peranan yang dimainkan oleh Sains Perubatan dalam menentukan adakah penyakit yang tersebut itu boleh dirawat atau dipulihkan. Kemudian melalui penulisan ini akan menentukan sama ada penyakit yang telah diutarakan oleh fuqaha' silam masih relevan dan diterima sebagai alasan fasakh pada masa kini atau tidak. Akhirnya, penulisan ini juga akan cuba mengemukakan penyakit-penyakit baru yang tidak disebutkan oleh fuqaha' silam tetapi mempunyai ciri-ciri yang sama, malah lebih kritikal lagi berbanding dengan penyakit-penyakit yang telah dinyatakan sebelum ini.

## ABSTRACT

The study of Islamic jurisprudence (fiqh) is a dynamic exercise. It constantly evolves and changes in certain time frames depending on situation, environment and the needs of human life in a particular place. The need of Islamic jurisprudence to change becomes obvious especially in the field of medical science that involves diseases (in this case sexual or reproductive diseases). This is due to advancements in medical technology in line with competition in globalization and paradigm shifts that have enabled certain diseases previously considered incurable to finally be treated or even fully cured. Even if this is not the case, a sufferer's condition is at least alleviated to an extent where he or she can lead a semblance of normal life. The jurist (*fujaha*) of various *sunni* schools (*madhāhib*) have already divided diseases into various types that enables the annulment (*fasakh*) of marriage. Among the diseases accepted by all the four heads of the four *sunni* schools are eight types which are further divided into three groups. The first occurs only in men which are *al-'unnah*, *al-jabb* and *al-khisa'*. The second occurs only in women which are *al-qarn* and *al-ratq*. The third occurs in both genders which are *al-junūn*, *al-judhām* and *al-baras*. This thesis will accordingly analyze all of these diseases that have been mentioned from the perspective of medical science and the role of medical science in ascertaining the treatment and curability of each diseases. It will then be ascertained whether or not the diseases put forward by jurist in the past are still relevant and accepted as reasons for the dissolution of marriage. Finally, this thesis will also put forward new diseases that have not been mentioned by jurists of the past but which may have similar characteristics and are perhaps even more critical when compared to those diseases stated earlier.

## **DAFTAR ISI**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
Halaman Tajuk	
Dedikasi	i
Penghargaan	i
Abstrak	iv
Daftar Isi	vi
Transliterasi	xiii
Senarai Kependekan	xv
Lampiran	xvii

## **PENDAHULUAN**

Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	7
Masalah Kajian	9
Objektif Kajian	12
Skop Kajian	14
Kajian-Kajian Lepas	15
Metodologi Kajian	23

## **BAB PERTAMA**

### **KONSEP FASAKH MENURUT PERSPEKTIF SYARAK**

1.1 Pengenalan	26
1.2 Definisi Fasakh	33
1.3 Dalil-Dalil Keharusan Fasakh	37
1.4 Pandangan Fuqaha' Mengenai Konsep Fasakh	45
1.5 Sebab-Sebab Yang Mengharuskan Fasakh Perkahwinan Selain Penyakit	48
1.5.1 Fasakh Kerana Alasan Nafkah	49
1.5.2 Fasakh Kerana Berlaku Penipuan ( <i>Ghurūr</i> )	51
1.5.3 Fasakh Kerana <i>Syiqāq</i> (pergaduhan) <i>Darar</i> (penderaan) Dan Pergaulan Yang Buruk ( <i>Su'</i> al-'Asyīrah)	55
1.6 Hikmah Fasakh Dalam Syariat Islam	59
a) Untuk Memenuhi <i>Maslahah Darūriyyah</i> Dan <i>Tahsīniyyah</i>	59
b) Untuk Memenuhi Tuntutan <i>Fitrat</i> Kemanusiaan	62
1.7 Kesimpulan	66

## **BAB KEDUA**

### **JENIS-JENIS PENYAKIT YANG DIHARUSKAN FASAKH MENURUT FUQAHĀ'**

2.1 Pengenalan	68
2.2 Definisi Penyakit ( <i>'Ayb</i> )	69
2.3 Pandangan Fuqaha' Tentang Hak Untuk Memfasakhkan Perkahwinan Kerana Penyakit	73

2.4	Penyakit-Penyakit ( <i>al-'Uyūb</i> ) Yang DiHaruskan Fasakh Menurut Fuqaha'	78
2.4.1	Jenis-Jenis Penyakit Yang Diharuskan Fasakh	79
2.5	Penyakit-Penyakit Yang Telah Disepakati Oleh Fuqaha'	86
2.5.1	Penyakit Yang Khusus Kepada Lelaki Sahaja	87
2.5.1.1	Penyakit <i>al-'Unnah</i> ( Impoten)	87
2.5.1.2	Penyakit <i>al-Jabb</i> (Terpotong Zakar)	89
2.5.1.3	Penyakit <i>al-Khisā'</i> (Kembiri atau Kasi)	90
2.5.1.4	Pandangan Fuqaha' Mengenai Keharusan Fasakh Kerana Penyakit, <i>al-'Unnah</i> , <i>al-Jab</i> Dan <i>al-Khisā'</i>	92
2.5.2	Penyakit Yang Khusus Kepada Wanita Sahaja	96
2.5.2.1	Penyakit <i>al-Qarn</i> ( <i>al-qarnā'</i> )	97
2.5.2.2	Penyakit <i>al-Ratq</i> ( <i>al-Ratqā'</i> )	99
2.5.2.3	Pandangan Fuqaha' Mengenai Keharusan Fasakh Kerana Penyakit <i>al-Qarn</i> Dan <i>al-Ratq</i>	102
2.5.3	Penyakit-Penyakit Yang Boleh Berlaku Kepada Lelaki Dan Wanita	109
2.5.3.1	Penyakit <i>al-Junūn</i> (Gila Atau Gangguan Mental)	110
2.5.3.2	Penyakit <i>al-Judhām</i> (Kusta)	113
2.5.3.3	Penyakit <i>al-Baras</i> (Sopak)	115
2.5.3.4	Pandangan Fuqaha' Terhadap Penyakit <i>al-Junūn</i> , <i>al-Judhām</i> Dan <i>al-Baras</i>	116
2.6	Alasan Fuqaha' Mengharuskan Fasakh Kerana Penyakit	125
2.7	Kesimpulan	128

## BAB KETIGA

### PANDANGAN SAINS PERUBATAN TERHADAP PENYAKIT YANG DIHARUSKAN FASAKH SERTA RAWATANNYA

3.1 Pengenalan	133
3.2 Fakta-Fakta Mengenai Sains Perubatan Dalam al-Qur'an Dan al-Sunnah	135
3.3 Hubungan Sains Perubatan Dengan Fiqh Islam	144
3.3.1 Konsep Fiqh	144
3.3.2 Hubungan Sains Perubatan Dan Fiqh	147
3.4 Pandangan Sains Perubatan Terhadap Penyakit-Penyakit Yang Diharuskan Fasakh	150
3.4.1 Penyakit-Penyakit Yang Berkaitan Dengan Anggota Reproduksi Lelaki	151
3.4.1.1 Penyakit Mati Pucuk (Impoten)	151
3.4.1.2 Kategori Penyakit Impoten	152
3.4.1.3 Punca-Punca Penyakit Impoten	154
3.4.1.4 Kaedah Rawatan Masalah Impoten	162
3.4.2 Penyakit Terpotong Zakar ( <i>Penile Intersection</i> )	168
3.4.2.1 Rawatan Penyakit Kanser Zakar	170
3.4.2.2 Rawatan Penyakit <i>Penile Intersection</i>	170
3.4.2.3 Implikasi Daripada Penyakit <i>Penile Intersection</i>	170
3.4.3 Penyakit Kembiri ( <i>Castration</i> )	172
3.4.3.1 Implikasi Daripada <i>Castration</i>	172
3.4.3.2 Penyakit-Penyakit <i>Testicle</i> (Buah Zakar)	173

3.5	Penyakit-Penyakit Berkenaan Anggota Reproduksi Wanita	176
3.5.1	Faktor-Faktor Pembentukan <i>Vagina</i> Yang Tidak Normal	177
3.5.2	Bentuk-Bentuk Ketumbuhan Dalam <i>Vagina</i>	178
3.5.2.1	Percantuman Menegak ( <i>Vertical Fusion</i> )	178
3.5.2.2	Percantuman <i>Vagina</i> Secara Menegak ( <i>Bicornis Bicollis</i> )	180
3.5.2.3	Implikasi Daripada Penyakit <i>Anomalous Of Vagina Development</i>	181
3.5.2.4	Kecacatan Disebabkan Percantuman <i>Vagina</i> Di Bahagian Sisi( <i>Disorder Of Lateral Fusion</i> )	183
3.5.3	Rawatan Penyakit <i>Anomalous Of The Vagina Development</i>	184
3.6	Penyakit-Penyakit Kusta ( <i>Leprosy</i> ), Sopak ( <i>Vitilago</i> ) Dan Gila ( <i>Psychosis</i> )	187
3.6.1	Penyakit Kusta ( <i>Leprosy</i> )	188
3.6.1.1	Tanda- Tanda Penyakit <i>Leprosy</i>	189
3.6.1.2	Rawatan Dan Pemulihan Penyakit <i>Leprosy</i>	195
3.7	Penyakit Sopak ( <i>Vitiligo</i> )	200
3.7.1	Penyakit <i>Vitilago</i> Dari Perspektif Sains Perubatan	200
3.7.2	Rawatan Penyakit <i>Vitilago</i>	202
3.8	Penyakit Gila atau Mental ( <i>Psychosis</i> )	206
3.8.1	Definisi Penyakit Mental	207
3.8.2	Skizofrenia ( <i>Schizophrenia</i> )	211
3.8.2.1	Definisi Skizofrenia	212
3.8.2.2	Implikasi Penyakit Skizofrenia	212
3.8.3	Penyakit Gila Babi ( <i>Epilepsy</i> )	216
3.8.3.1	Definisi <i>Epilepsy</i>	217
3.8.3.2	Kategori Penyakit <i>Epilepsy</i>	218
3.8.3.3	Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Penyakit <i>Epilepsy</i>	221
3.8.3.4	Serangan Sawan <i>Epilepsy</i>	225

3.8.3.5	Rawatan Penyakit <i>Epilepsy</i>	226
3.8.3.6	Implikasi Penyakit <i>Epilepsy</i>	228
3.9	Kesimpulan	231

:

## BAB KEEMPAT

### PENYAKIT-PENYAKIT LAIN YANG MEMPUNYAI PERSAMAAN CIRI SERTA IMPLIKASI UNTUK MENGHARUSKAN FASAKH

4.1	Pengenalan	235
4.2	Ciri-Ciri Penyakit Yang Diharuskan Fasakh	237
4.3	Penyakit Yang Boleh Terkena Kepada Lelaki Dan Wanita	237
4.3.1	Definisi Penyakit AIDS	238
4.3.2	Implikasi Jangkitan AIDS	240
4.3.3	Kaedah Ujian HIV	241
4.3.4	Cara-cara Jangkitan AIDS	243
4.3.5	Rawatan Penyakit AIDS	252
4.4	Penyakit-penyakit Lain Yang Berlaku Kepada Lelaki Sahaja	259
4.4.1	Masalah Kecacatan Zakar	259
4.4.2	Rawatan Bagi Penyakit Kecacatan Zakar	262
4.5	Penyakit-penyakit Lain Yang Berlaku Kepada Wanita	263
4.5.1	Kerosakan Pada Anggota Seksual Wanita (Female Sexual Dysfunction)	264
4.5.1.1	Punca-punca Penyakit <i>Vaginismus</i>	266
4.5.1.2	Kaedah Rawatan <i>Vaginismus</i>	267
4.5.2	<i>Dyspareunia</i>	270
4.5.2.1	Definisi <i>Dyspareunia</i>	269
4.5.2.2	Punca-punca <i>Dyspareunia</i>	269

4.5.2.3	Kaedah Rawatan <i>Dyspareunia</i>	271
4.5.3	Penyakit Kanser <i>Vagina</i>	273
4.5.3.1	Definisi Kanser <i>Vagina</i>	274
4.5.3.2	Tanda- Tanda Kanser <i>Vagina</i>	274
4.5.3.3	Rawatan Penyakit Kanser <i>Vagina</i>	276
4.5.3.4	Implikasi Kanser <i>Vagina</i>	278
4.5.4	Kanser <i>Vulva</i> ( <i>Vulva carcinoma</i> )	279
4.5.4.1	Definisi Kanser <i>Vulva</i>	280
4.5.4.2	Tanda- Tanda Kanser <i>Vulva</i>	280
4.5.4.3	Rawatan Penyakit Kanser <i>Vulva</i>	282
4.5.4.4	Implikasi Daripada Kanser <i>Vulva</i>	284
4.6	Kesimpulan	284

## **PENUTUP**

Kesimpulan	287
a) Hasil Kajian	287
b) Rumusan	297
c) Cadangan Dan Saranan	299
 Bibliografi	
 Lampiran	

## TRANSLITERASI

Sistem Transliterasi yang digunakan :

ABJAD	TRANSLITERASI ; RUMI	ABJAD	TRANSLITERASI RUMI
ا	a	ض	d
ب	b	ط	t
ت	t	ظ	z
ث	th	ع	c
ج	j	غ	gh
ح	h	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w
ش	sy	ه	h
ص	s	ي	y
ة	h (ketika dimatikan bunyinya) ť (ketika dihidupkan bunyinya)		

## **VOKAL PENDEK**

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
-----	a	فعل	fa <sup>c</sup> ala
-----	i	حسب	hasiba
-----	u	كتب	kutiba

## **VOKAL PANJANG**

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ا،ي	ā	كاتب	kātib
ي	ī	كريم	karīm
و	ū	حروف	hurūf

## **DIFTONG**

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
او	aw	اولي	awla
اي	ay	اين	ayna

\* Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi adalah berpandukan Kementerian Pendidikan Malaysia (1990), *Gaya Dewan, Sebuah Panduan Kerja Penerbitan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi 2, m.s. 135-136.

## **SENARAI KEPENDEKAN**

AEDS	Anti Epilepsy Drugs
AIDS	Acquired Immune Deficiency Syndrome
Bil.	Bilangan
° C	° Celcius
Cet.	Cetakan
Dr.	Doktor
Ed.	Editor
Et al.	Digunakan untuk menggantikan nama penulis- penulis lain selain daripada yang dinyatakan dalam buku yang sama.
H.	Halaman
HKL	Hospital Kuala Lumpur
HIV	Human Immunodeficiency Virus
Ibid.	Dari Bahasa Latin iaitu ibidim bermaksud rujukan pada buku yang sama sebelumnya secara berturut-turut.
ILAE	International League Against Epilepsy
J.	Juzuk
JAJ	Jabatan Agama Johor
Jil.	Jilid
LPPKN	Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara.

MAIJ	Majlis Agama Islam Johor
MDT	Multi Drug Therapy
Mg	Miligram
O&G	Obstetrik Dan Ginekologi
Op.cit.	Dari Bahasa Latin iaitu Opere citato bermaksud rujukan kepada buku yang sama yang telah digunakan sebelumnya tetapi telah diselangi oleh rujukan-rujukan yang lain.
PKKN	Pusat kawalan Kusta Negara
Prof.	Professor
S.‘A.W.	Sallallahu ‘Alaihi Wasallam
S.M	Sebelum Masihi
STDs	Sexual Transmitted Diseases
S.W.T	Subhanahu Wa Ta‘ala
Terj.	Terjemahan
T.T	Tanpa Tahun
T.P	Tanpa Penerbit
T.T.P	Tanpa Tempat Penerbit
V	Volume
WHO	World Health Organization

## **SENARAI LAMPIRAN**

- |               |   |
|---------------|---|
| Lampiran I    | Surat daripada Ketua Penolong Pengarah Perubatan, HKL   |
| Lampiran II   | Surat daripada Ketua Pengarah LPPKN   |
| Lampiran III  | Surat daripada Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia.                |
| Lampiran IV   | Surat daripada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. |
| Lampiran V    | Gambar berkaitan penyakit Impotensi (Mati Pucuk).   |
|               |   |
| Lampiran VI   | Gambar berkaitan penyakit Leprosy (Kusta).  |
| Lampiran VII  | Keratan-keratan akhbar berkaitan penyakit Psikosis (Mental).                                      |
| Lampiran VIII | Keratan akhbar berkaitan penyakit Epilepsy (Gila Babi).   |
| Lampiran IX   | Keratan-keratan akhbar berkaitan penyakit AIDS ( HIV).  |

# **PENDAHULUAN**

## PENDAHULUAN

### PERANAN SAINS PERUBATAN DALAM MENENTUKAN HUKUM

#### KEHARUSAN FASAKH KERANA PENYAKIT

##### Pengenalan

*Din al-Islam* merupakan syariat yang syumul. Di antara sifat kesyumulan Islam ialah syariatnya bersifat natural atau fitrah mencakupi segala aspek kehidupan manusia. Sebagai agama yang syumul dan fitrah, Islam telah mensyariatkan satu peraturan berhubung dengan perkahwinan. Menurut Imām al-Syātibī dalam kitabnya *al-Muwāfaqāt*, di antara *al-maqāṣid* (objektif) syarak ialah untuk menjamin kemaslahatan umat manusia agar mencapai kebahagiaan hidup bukan sahaja di dunia bahkan hingga akhirat.

Oleh itu, perkahwinan yang disyariatkan membolehkan manusia menyalurkan keinginan hawa nafsu pada tempat yang dihalalkan oleh Allah Ta'āla di samping ianya juga bertujuan menjamin kesinambungan zuriat serta keturunan generasi manusia di muka bumi Allah sebagai khalifah. Perkara ini telah disentuh oleh Allah menerusi firmanNya dalam surah al-Baqarah :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ أَنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيلَةً

Surah al-Baqarah(2):30

Maksudnya:

Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku menjadikan seorang khalifah di muka bumi.

Oleh yang demikian, objektif tersebut akan tercapai melalui syariat perkahwinan yang mana akan lahir daripadanya kesepadan komunikasi secara lahir (keperluan fizikal) dan juga secara batin (keperluan rohani) melalui perasaan kasih dan sayang. Allah berfirman dalam Surah al-Rūm :

وَمَنْ أَيْتَهُ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِّنَ النَّسِيمِ أَرْوَاحًا لِّتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ  
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَنْفَكِرُونَ

Surah al-Rūm (30):21

Maksudnya:

Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

Dalam ayat yang lain pula, Allah S.W.T menjelaskan bahawa pasangan suami isteri adalah saling perlu memerlukan di antara satu sama lain. Mereka diibaratkan seperti pakaian di mana suami ibarat pakaian isteri manakala isteri pula adalah pakaian suami seperti dinyatakan dalam firmanNya menerusi Surah al-Baqarah :

أَحِلَّ لَكُمْ لِيَلَةَ الصِّيَامِ الرُّفَقَةُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَاللَّهُ  
لِنِسَاءِ لَهُنَّ .

Surah al-Baqarah (2):187

Maksudnya:

Dihalalkan bagi kamu pada malam hari puasa bercampur dengan isteri-isteri kamu . Mereka itu adalah pakaian bagimu dan kamu pun adalah pakaian bagi mereka.

Seterusnya, Allah S.W.T menjelaskan bahawa isteri-isteri adalah tempat suami menyalurkan hawa nafsu secara halal dan diredaya selama mana tidak melanggar batas-batas pergaulan yang diizinkan. Dalam hal ini, Allah menggambarkan bahawa peranan isteri adalah umpama sebuah ladang kepada para suami untuk mendapatkan zuriat dan keturunan melalui percantuman benih suami daripada tulang *al-sulbi* dan benih perempuan daripada *al-tarā'ib*. Allah telah menegaskan hakikat ini dalam Surah al-Baqarah yang berbunyi :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
يَسْأَلُكُمْ حَرَثُكُمْ فَإِنَّمَا حَرَثُكُمْ أُنَىٰ شَتْنَمْ

Surah al-Baqarah (2):223

Maksudnya:

Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercucuk tanam. Maka datangkanlah tanah tempat bercucuk tanam sebagaimana yang kamu kehendaki.

Dan dalam Surah al-Tāriq pula, Allah telah menyatakan :

خَلَقَ مِنْ مَاءٍ دَافِقٍ . يَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ الصَّلْبِ وَالثَّرَابِ

؛

Surah al-Tāriq (86): 6-7

Maksudnya:

Dia diciptakan dari air yang terpancar yang keluar dari antara tulang sulbi laki-laki dan tulang dada perempuan.

Namun begitu, apabila terdapat halangan-halangan yang menyebabkan objektif pensyariatan perkahwinan itu tidak dapat dicapai oleh pasangan suami isteri, syariat Islam yang syumul telah pun menyediakan satu *outlet* bagi membolehkan mereka mencari alternatif lain untuk meneruskan kehidupan, iaitu dengan cara fasakh.

fasakh

Halangan-halangan tersebut termasuklah berupa penyakit-penyakit (*al-'uyūb*) yang wujud sama ada pada kedua belah pihak, suami dan isteri, atau penyakit tersebut hanya wujud pada salah seorang di antara mereka , pada suami sahaja atau pada isteri sahaja. Para fuqaha' silam telah mengenal pasti penyakit-penyakit tersebut dan mereka cuba menghuraikan tentangnya di samping cuba mencari 'illah (alasan) sehingga pada sesetengah keadaan yang kritikal, hukum syarak telah mengharuskan pasangan tadi untuk berpisah.

Berbagai alasan telah dikemukakan oleh fuqaha' untuk membolehkan setiap pasangan yang menghadapi masalah penyakit untuk memfasakhkan perkahwinan mereka sekiranya pasangan itu memilih jalan untuk berpisah. Di antara alasan yang diberikan ialah penyakit tersebut didapati boleh menghalang perlaksanaan tujuan asal pensyariatan perkahwinan iaitu untuk melakukan persetubuhan (*sexual intercourse*).

Alasan lain ialah kerana penyakit tersebut kadang-kadang boleh menimbulkan gangguan perasaan ke arah melakukan persetubuhan seperti perasaan jijik, benci atau sebagainya terhadap penyakit yang dihadapi oleh pasangannya. Satu lagi alasan ialah rasa takut atau bimbang penyakit tersebut akan berjangkit kepada pasangannya, anak-anak atau ahli keluarga yang lain.

Justeru, bagi pasangan yang menghadapi masalah dalam rumah tangga yang disebabkan oleh penyakit-penyakit tersebut dan merasakan bahawa jalan penyelesaian yang terbaik untuk mereka ialah dengan berpisah, maka para fuqaha' dengan ijtihad mereka bersandarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah telah menyusun satu peraturan dalam sistem kekeluargaan Islam yang dinamakan sebagai fasakh, manakala fasakh seperti ini termasuk dibawah tajuk *al-Khiyār Fī al-Nikāh*.

Namun demikian, di kalangan mereka sendiri mempunyai pandangan yang berbeza-beza mengenai jenis-jenis penyakit yang boleh dijadikan alasan untuk memfasakhkan perkahwinan dari aspek keutamaan penyakit dan kekuatan alasan yang diperlukan. Walaupun terdapat beberapa jenis penyakit yang telah diiktiraf

dan disepakati oleh ulama' mazhab seperti gila (*psychosis*), kusta (*leprosy*), sopak (*vitilago*), mati pucuk (*impotent*), *qarnā'* dan *ratqā'* (*anomalous of vagina*) sebagai penyakit-penyakit (*al-'uyub*) yang diterima untuk alasan fasakh tetapi penyakit tersebut tidak dihuraikan secara terperinci sejauhmanakah ianya boleh dijadikan alasan yang kukuh dan mempengaruhi dalam hubungan suami isteri dari pelbagai aspek.

Jika diteliti secara kritis, timbul beberapa kemungkinan di sini apakah dalam konteks zaman moden di mana bidang perubatan telah mencapai pembaharuan pesat dan maju dengan teknik rawatan terkini serta canggih tidak mampu mengatasi atau merawat penyakit-penyakit tersebut seperti penyakit *impotent*, *qarnā'*, *ratqā'* dan sebagainya. Jika jawapan yang diperolehi adalah sebaliknya, adakah hukum berkenaan fasakh kerana penyakit masih terpakai, atau mungkin dengan kecanggihan teknologi perubatan mampu mengesan penyakit-penyakit lain yang mempunyai kriteria yang sama atau lebih serius daripada apa yang telah dinyatakan oleh para fuqaha' silam seperti AIDS dan sebagainya.

Untuk mendapatkan jawapannya sudah tentu memerlukan kepada pengkajian serta penyelidikan yang mendalam dari pelbagai aspek sama ada aspek perubatan mahupun fiqh Islam. Berlandaskan kepada asas inilah telah mendorong penulis untuk membuat satu kajian disertasi yang dinamakan "**Peranan Sains Perubatan Dalam Menentukan Hukum Keharusan Fasakh Kerana Penyakit**".

## **Latar Belakang Kajian**

Memang tidak dinafikan bahawa persoalan mengenai perubatan telah bermula sejak dari zaman Rasulullah s.'a.w lagi . Fenomena ini telah diperakui oleh Seyyed Hosseīn Nasr dalam bukunya *Science And Civilization In Islam*<sup>1</sup> yang menyebutkan bahawa terdapat seorang ahli fizik yang pertama dari bangsa Arab yang dikenali sebagai al-Harith Ibn Kalādah yang hidup semasa dengan zaman Rasulullah .Beliau dikatakan telah mempelajari tentang ilmu perubatan di Jandishapur.

Menurut beliau lagi, terdapat beberapa jenis penyakit yang telah dikenal pasti pada zaman Rasulullah s.'a.w seperti kusta (*leprosy*), penyakit radang atau selaput paru-paru (*pleurisy*) dan penyakit yang berkaitan dengan mata (*ophthalmia*). Begitu juga dengan teknik-teknik rawatan telah pun ada pada masa itu seperti yang pernah diajarkan oleh Rasulullah s.'a.w dan kemudiannya menjadi amalan dalam kehidupan umat Islam pada masa itu seperti *cupping* (berbekam), penggunaan madu sebagai penawar dan *cautery* iaitu merawat luka dengan besi panas yang dibakar dan banyak lagi teknik-teknik rawatan lain.

Memandangkan zaman Rasulullah s.'a.w telah mencapai perkembangan dan kemajuan sains perubatan yang begitu mengagumkan pada masa itu sehingga lahir beberapa buah kitab yang secara khusus membicarakan tentang perubatan, penyakit dan cara rawatannya telah menjadi asas atau sandaran kepada penulis untuk membuat satu pengkajian berkaitan dengan persoalan-

---

<sup>1</sup> Seyyed Hossein Nasr (1984), *Science And Civilization*, Shah Alam Dewan Pustaka Fajar, h. 192.

persoalan penyakit yang telah diiktiraf oleh fuqaha' silam sebagai penyakit yang mengharuskan fasakh.

Kajian yang akan dijalankan adalah untuk mempastikan bahawa adakah jenis-jenis penyakit yang diterima oleh fuqaha' silam masih lagi relevan untuk dijadikan alasan fasakh memandangkan persoalan fasakh kerana penyakit adalah persoalan *ijtihadiyah* dan penjelasan-penjelasan yang dibuat oleh fuqaha' silam tidak begitu jelas atau terperinci sejauhmana penyakit tersebut boleh atau tidak boleh diubati. Kajian ini juga akan melihat sejauhmanakah penyakit-penyakit yang disebutkan itu boleh menghalang daripada berlaku persetubuhan (*sexual intercourse*) atau boleh menjangkiti kepada pasangannya.

Jika ditinjau paradigma dunia perubatan sekarang didapati kebanyakan daripada penyakit-penyakit yang kronik seperti kanser, penyakit jantung, ketumbuhan (*tumor*) dan lain-lain mampu dirawat melalui pelbagai teknik rawatan moden yang canggih. Begitu juga halnya dengan teknik pemindahan organ atau tisu badan manusia untuk menggantikan organ yang telah rosak dengan yang baru seperti pemindahan buah pinggang, hati, jantung, mata dan seumpamanya mampu dilakukan.

Berdasarkan kepada realiti tersebut, adalah mustahil sekiranya penyakit-penyakit dalam kategori yang diharuskan fasakh menurut fuqaha' silam tidak boleh diubati pada masa kini. Tambahan pula, menurut pendapat Prof. Dr. Yusuf

al-Qaradāwī dalam bukunya *Pembaharuab Fiqh Abad 21*<sup>2</sup>, (versi terjemahan) menyatakan bahawa :

*Implikasi daripada perkembangan dan kemajuan dunia perubatan moden hari ini telah menyebabkan banyak perkara yang dahulunya mustahil dilakukan telah menjadi senang dan mudah. Dahulunya bidang perubatan telah menimbulkan masalah syariat dari segi proses untuk mencari hukum-hukum atau jawapan fiqh Islam. Keadaan seperti ini telah memaksa para ulama mujtahid untuk memeras segenap tenaga dan kebakaran ijtihad mereka untuk menggali hukum-hukum yang sesuai.*

Oleh kerana itu, penulis cuba untuk mencari jawapan baru dalam permasalahan hukum fasakh dan seterusnya melihat permasalahan tersebut dari perspektif yang lain selain daripada apa yang telah dikemukakan oleh fuqaha' silam. Mungkin di sana terdapat satu pendapat lain yang dirasakan lebih relevan terutamanya pendapat dari fuqaha' kontemporari.

## Masalah Kajian

Untuk menulis disertasi ini, penulis telah mendasarkan masalah kajian kepada beberapa idea berasal yang telah dibangkitkan oleh sarjana kontemporari berhubung perkembangan pengajian fiqh sebagai satu disiplin ilmu yang sentiasa bersifat dinamik , realiti serta sentiasa *up to date*. Antara tokoh yang dimaksudkan ialah Prof. Dr. Yūsuf al-Qaradāwī di mana idea beliau yang telah disampaikan menerusi bukunya seperti yang dinyatakan sebelum ini . Di dalam buku tersebut, beliau melihat hubungan fiqh Islam dengan sains perubatan adalah satu hubungan

<sup>2</sup> Prof. Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (2000), *Pembaharuab Fiqh Abad 21*, Abu Mazaaya al-Hafiz (terj ), Kuala Lumpur:al-Hidayah Publisher, h. 7

yang sangat rapat serta saling perlu memerlukan antara satu sama lain sebagaimana dinyatakan:<sup>3</sup>

*Walaupun peristiwa hukum dimasa lalu terkadang menunjukkan gejala umum satu perubahan, namun tetap saja ijtihad yang telah dihasilkan para ulama terdahulu belum tentu sesuai untuk tuntutan masa sekarang. Dengan demikian, keperluan terhadap ijtihad itu abadi selagi pembaharuan terus berlaku dalam kehidupan. Selagi situasi sosial yang semakin berubah dan berkembang, selama itulah syariat Islam pasti layak dalam segala situasi dan kondisi dan sanggup mengatasi persoalan manusia.*

Seterusnya, beliau menambah:<sup>4</sup>

*Memang benar, bahawa ilmu pengetahuan moden dengan segala perkembangan teknologi maju serta kemampuan manusia sekarang yang nyaris dimasa lalu khususnya dibidang kedoktoran telah menimbulkan masalah syariat yang menunggu jawapan fiqh Islam dan memaksa para mujtahid untuk memeras segenap kemampuan ijtihadnya bagi menggali hukum yang sesuai.*

Idea beras al-Qaradāwī ini telah dikembangkan oleh sarjana tempatan seperti Prof. Dato' Mahmood Zuhdi Abdul Majid, pengarah Akademi Islam Universiti Malaya yang mengulas tentang betapa perlunya pengajian syariah khususnya fiqh ini sentiasa mengalami perubahan dan perkembangan disebabkan oleh keperluan masyarakat yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa seperti yang beliau nyatakan:<sup>5</sup>

<sup>3</sup> al-Qaradāwī (2000), *op.cit.*, h. 2

<sup>4</sup> *Ibid.*, h. 7

<sup>5</sup> Mahmood Zuhdi bin Hj. Abdul Majid (1992), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h. 12.

*Sebagaimana kita tahu, prinsip dan idealisme syariat Islam adalah nilai tetap dan tidak berubah (muqaddas). Ianya adalah segala apa yang terkandung dalam wahyu itu sendiri. Sedangkan pemahaman manusia terhadap prinsip dan idea itu tadi selalunya mengalami perubahan dengan adanya perubahan nilai intelektual dan ilmu pengetahuan. Sementara yang paling kuat terdedah kepada perubahan ialah unsur realiti masyarakat.*

Oleh yang demikian , persoalan sains perubatan adalah persoalan yang terlibat secara langsung dengan realiti kehidupan manusia dan sentiasa berkembang selaras dengan perkembangan intelektual manusia itu sendiri. Ia juga sentiasa mencipta permasalahan – permasalahan baru dan memerlukan kepada jawapan hukum yang mana dahulunya mungkin tidak perlu tetapi menjadi keperluan pada hari ini. Ada di antara penyakit-penyakit tertentu yang dahulunya sukar dirawat atau disembuhkan tetapi, tidak lagi menjadi kesukaran pada masa kini terutamanya yang melibatkan penyakit-penyakit yang diharuskan fasakh perkahwinan. Untuk mencari jawapan hukum (fiqh) terhadap persoalan sains perubatan secara tepat dan absah , penulis merasakan perlu digabungjalinkan dua disiplin ilmu tersebut.

Satu lagi masalah yang mendorong penulis untuk membuat kajian disertasi berhubung dengan tajuk tersebut ialah terdapatnya ramai pakar perubatan yang telah berjaya merawat serta menghasilkan ubat yang mampu mengatasi masalah penyakit yang sebelum ini disenaraikan oleh fuqaha' sebagai penyakit yang diharuskan fasakh perkahwinan. Sebagai contoh, bagi penyakit impoten (*impotent*) umpamanya, telah terdapat sejenis pil yang dinamakan *Apomorphine*. Pil *Apomorphine* dikatakan mampu membantu golongan lelaki yang mengalami masalah *erectile dysfunction* (ketidakupayaan mencapai ereksi) sehingga boleh mencapai ereksi yang sama seperti ereksi semulajadi.<sup>6</sup>

### **Objektif Kajian**

Kajian ini merupakan satu dimensi baru dalam fiqh Islam kerana penulis cuba membuat korelasi di antara fiqh Islam dengan sains perubatan moden bagi mengukuhkan fakta-fakta fiqh Islam yang mempunyai nilai-nilai sains moden ke arah mencari hukum-hukum baru. Usaha seperti ini belum pernah lagi dibuat oleh fuqaha' silam mahupun ulama kontemporari secara langsung. Oleh yang demikian, kajian ini tentunya mempunyai beberapa objektif yang hendak dicapai. Antara objektifnya ialah :

1. Untuk menjelaskan konsep fasakh dan sebab-sebab yang boleh dijadikan alasan untuk memfasakhkan perkahwinan khususnya yang

<sup>6</sup> Norzilawati Abdul Halim, " Apomorphine Baik Untuk Mati Pucuk"( Akhbar Berita Harian bertarikh Jumaat, 23 Ogos 2002 ).

berhubung dengan penyakit-penyakit yang telah disepakati oleh fuqaha'.

2. Untuk mencari jawapan-jawapan berdasarkan fakta sains terhadap segala penyakit yang dikemukakan oleh fuqaha' silam sejauhmana penyakit-penyakit yang dikemukakan itu masih relevan dalam konteks dunia moden memandangkan fiqh Islam hari ini perlu bersedia menghadapi anjakan paradigma selari dengan perkembangan sains dan teknologi serta perubahan sosio budaya masyarakat di samping untuk menentukan hukum-hukum yang berhubung dengannya.
3. Seterusnya, melalui kajian ini juga penulis cuba untuk mencari penyakit-penyakit baru yang boleh dijadikan alasan untuk memfasakhkan perkahwinan disebabkan *al-'aib*.
4. Akhirnya penulis berharap agar kajian ini dapat menjadi asas kepada lebih banyak lagi bentuk-bentuk penulisan seperti ini di masa akan datang. Di samping itu penulis dapat memberi input-input yang berfaedah kepada masyarakat daripada pelbagai lapisan dan tahap akademik.

## **Skop Kajian**

Skop kajian adalah difokuskan kepada persoalan-persoalan yang berkaitan dengan fasakh kerana penyakit sahaja walaupun terdapat banyak lagi alasan-alasan lain yang mengharuskan fasakh. Ini kerana alasan-alasan yang lain selain penyakit tidak termasuk dalam skop perbincangan. Secara ringkasnya, kajian ini akan menyentuh beberapa aspek iaitu:

1. Konsep fasakh secara global. Di bawah konsep ini, kajian akan melihat kepada peruntukan fasakh dalam hukum syarak, dalil-dalil pensyariatannya sama ada dari al-Qur'an dan al-Sunnah, pendapat para fuqaha' silam dari pelbagai mazhab dan juga pendapat fuqaha' *muta'akhirin*.
2. Konsep *al-'uyub* atau penyakit-penyakit yang telah disenaraikan sebagai alasan untuk fasakh. Di bawah topik ini, kajian akan difokuskan kepada aspek definisi '*ayb*, jenis-jenis '*ayb* yang mengharuskan fasakh serta pandangan-pandangan fuqaha' daripada pelbagai mazhab tentang penyakit tersebut serta alasan-alasan yang terdapat padanya.
3. Hubungan sains perubatan dengan fasakh. Kajian akan menumpukan kepada pandangan-pandangan sains perubatan terhadap penyakit-penyakit yang telah dibincang oleh fuqaha' silam. Perbincangan hanya berkisar pada penyakit-penyakit yang telah disepakati sahaja. Ini bermakna penyakit-penyakit lain walaupun ada perkaitannya tetapi tidak disepakati oleh fuqaha' tidak akan dibincangkan. Perbincangan juga akan melihat sejauhmana sains perubatan moden mampu mengubati penyakit-penyakit tersebut. Dengan ini, dapatlah

dikenal pasti jenis-jenis penyakit yang boleh diterima sebagai alasan untuk memfasakhkan perkahwinan.

4. Kajian ini juga akan cuba meneroka serta mengenalpasti apakah ada penyakit-penyakit lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan jenis penyakit yang sedia ada untuk dijadikan alasan fasakh.

Akhirnya kajian ini akan mencari kesimpulan dan membuat rumusan sama ada pendapat-pendapat fuqaha' mazhab tentang penyakit-penyakit yang mengharuskan fasakh masih boleh diterima pakai atau tidak disebabkan oleh kemajuan teknologi perubatan masa kini.

### **Kajian-Kajian Lepas**

Untuk membicarakan tajuk ini, penulis telah membuat *literature review* di samping membuat perbandingan terhadap penulisan-penulisan terdahulu berhubungkait dengan tajuk yang akan dibincang. Didapati kebanyakan penulisan tentang fasakh yang pernah dibuat oleh fuqaha' terdahulu hanyalah menyentuh persoalan-persoalan berkaitan dengan jenis-jenis penyakit yang membolehkan fasakh. Perbincangan yang dibuat adalah secara umum sahaja. Mereka tidak mengaitkan penyakit-penyakit tersebut dari sudut pandangan sains perubatan seperti yang akan dibincangkan dalam kajian penulis nanti.

Di samping itu, kebanyakan penulisan para fuqaha' silam juga banyak menekankan dari aspek perbezaan pandangan ulama di dalam membuat

penentuan jenis-jenis penyakit yang termasuk dalam kategori yang mengharuskan fasakh dan sebaliknya jenis-jenis penyakit yang tidak mengharuskan fasakh.

Pengkajian fuqaha' silam juga didapati hanya tertumpu pada aspek alasan-alasan yang terdapat pada penyakit-penyakit tersebut dan seterusnya menggunakan alasan tersebut untuk mengharuskan fasakh seperti alasan menghalang persetubuhan (*sexual intercourse*), alasan emosi seperti rasa jijik, benci atau tidak suka pada penyakit tersebut hingga boleh menghilangkan rasa keseronokan yang membawa kepada persetubuhan (*al-istimta'*).

Penulisan-penulisan fuqaha' tersebut antaranya dapat dilihat dalam kitab *al-Um* tulisan Muhammad bin Idrīs al-Syāfi'i'ie (m 204H) dalam bab *Fī al-'Aib Bi al-Mankūhah*.<sup>7</sup> Juga terdapat dalam kitab *Mughnī al-Muhtāj* oleh al-Khatīb Syarbīnī di dalam bab *al-Khiyār Wa al-I'fāf Wa Nikāh al-'Abd*,<sup>8</sup> Kitab *al-Mughnī* oleh Muhammad Ibn Qudāmah, seorang ulama' mazhab Hanbalī (m. 620H),<sup>9</sup> Kitab *al-Muhadhdhab* oleh al-Syirāzī di dalam bab *al-Khiyār Fī al-Nikāh Wa al-Radd Bi al-'Ayb*,<sup>10</sup> juga dalam kitab *Hāsyiah al-Dusūqī 'Alā Syarh al-Kabīr* oleh al-Dusūqī dalam bab *Fasal Fī Khiyār Ahād al-Zaujainī*.<sup>11</sup>

<sup>7</sup> Muhammad bin Idrīs al-Syāfi'i'ie (1993), *al-Um*, j.5, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h.122.

<sup>8</sup> Muhammad al-Khatīb Syarbīnī (t.t.), *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'āni Alfāz al-Minhāj 'Alā Matan Minhāj al-Tālibīn Li al-Imām al-Nawāwī*, j.3, Dār al-Fikr, h. 202.

<sup>9</sup> Ibn Qudāmah, Muhammad bin Qudāmah (1999), *al-Mughnī*, j. 10, c. 4, Su'ūdiyah: Dār al-'Alam al-Kutub, h. 55.

<sup>10</sup> Al-Syirāzī, 'Alī bin Yūsuf al-Fairuz Abāzī (t.t.) *al-Muhadhdhab Fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Syāfi'i'ie*, j. 2, Mesir: Matba'ah 'Isā al-Bābī al-Halabī, h. 48.

<sup>11</sup> Muhammad 'Arīf al-Dusūqī (t.t.), *Hāsyiah al-Dusūqī 'Alā Syarh al-Kabīr*, j. 2, Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 277.

Selain itu, terdapat juga di dalam kitab *Bidāyah al-Mujtahid Wa Nihāyah al-Muqtasid* oleh Ibn Rusyd al-Qurtubī ada membincangkan persoalan-persoalan mengenai penyakit yang membolehkan fasakh serta perbezaan pandangan fuqaha' mengenainya. Perbincangan ini ada disentuh di dalam bab ketiga bertajuk *Fī Müjibāt al-Khiyār Fī al-Nikāh*.<sup>12</sup> Seterusnya perbincangan mengenai persoalan fasakh kerana penyakit ini juga telah dibuat secara perbandingan (*al-Muqārin*) di antara mazhab-mazhab khususnya dari aliran fiqh al-Imām Sa'īd al-Musayyab, oleh Dr. Hussein Jamīl 'Abd Allāh menerusi kitabnya bertajuk *Fiqh al-Imām Sa'īd bin al-Musayyab*<sup>13</sup> di dalam bab *Mā Yathbut Bihi al-Khiyār Fī al-Nikāh*.

Perbahasan tentang konsep fasakh kerana penyakit yang telah dibuat oleh para fuqaha' silam telah disambung oleh para fuqaha' kontemporari dengan membuat sedikit pembaharuan serta beberapa penambahan secara yang lebih tersusun. Walaupun begitu, masih belum ada lagi para fuqaha' terkemudian yang cuba mengorelasikannya dengan bidang sains perubatan moden.

Di antara hasil-hasil penulisan fuqaha' terkemudian ialah *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh* oleh Dr. Wahbah al-Zuhaylī,<sup>14</sup> *al-Mufassal* oleh Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān,<sup>15</sup> *al-Mawsū'at al-Fiqhiyah* terbitan Wazārah al-Awqāf Wa al-Syu'ūni al-Islāmiyah.<sup>16</sup>

Di Malaysia sendiri, tidak ketinggalan terdapat ramai sarjana dan ulama' yang turut memperkatakan tentang persoalan fasakh serta isu-isu yang berkaitan

<sup>12</sup> Al-Qurtubī, Ahmad bin Rushd (1970), *Bidāyah al-Mujtahid Wa Nihāyah al-Muqtasid*, j. 2, al-Azhar: Maktabah al-Tayyibāt al-Azhariyah, h. 59.

<sup>13</sup> Dr. Hāsim Jamīl 'Abd Allāh (1975), *Fiqh al-Imām Sa'īd bin al-Musayyab*, j. 3, Jumhūriyah al-Irāqiyyah: Matba'ah al-Irsyād, h. 232.

<sup>14</sup> Dr. Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, j. 7, Beirut: Dār al-Fikr.

<sup>15</sup> Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān (1994), *al-Mufassal*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

<sup>16</sup> Wazārah al-Awqāf Wa al-Syu'ūni al-Islāmiyah (1989), *al-Mawsū'at al-Fiqhiyah*, j. 15, Kuwait.

dengannya khususnya berkenaan penyakit. Namun masih belum ada lagi usaha-usaha yang cuba membuat kombinasi secara ilmiah di antara fiqh Islam dengan sains perubatan moden. Misalnya, Dr. Haron Din dalam penulisannya bertajuk *Fasakh al-Nikāh Wa al-Qadāyā al-Muta'alliqah Bihi Dirāsāt Muqāranah al-Madhāhib al-Fiqhiyah*<sup>17</sup> telah membincangkan tentang alasan-alasan yang mengharuskan fasakh berdasarkan kepada pandangan ulama' mazhab terkenal di samping beliau juga ada membuat pentarjihan terhadap pendapat yang praktikal.

Selain membuat pentarjihan beliau juga telah memasukkan peruntukan fasakh dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Mesir manakala persoalan tentang alasan fasakh kerana penyakit dari perspektif sains perubatan tidak disentuh.

Berdasarkan penelitian yang dibuat, didapati bahawa kebanyakannya sarjana-sarjana terkemudian lebih suka membincangkan persoalan-persoalan fasakh serta alasannya dengan menghubungkaitkan dari sudut peruntukan undang-undang sivil dan syarak sama ada secara perbandingan atau tidak. Sebaliknya penulisan-penulisan sedemikian yang menghubung dengan sains perubatan masih belum kedapatan.

Sebagai contoh, antara tulisan-tulisan tentang persoalan fasakh yang dikaitkan dengan undang-undang keluarga ialah seperti yang dibuat oleh almarhum Prof. Datuk Ahmad Ibrahim dalam bukunya *Undang-Undang*

<sup>17</sup> Dr. Haron Din (1983), *Fasakh al-Nikāh Wa al-Qadāyā al-Muta'alliqah Bihi Dirāsāt Muqāranah al-Madhāhib al-Fiqhiyah*, Kuala Lumpur: Maktabah al-Watan.

*Keluarga Islam Di Malaysia.*<sup>18</sup> Selain beliau, ialah Prof. Mimi Kamariah Majid dalam buku beliau bertajuk *Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia*. Di dalam bab fasakh ini, beliau tidak membincangkan secara mendalam kerana ianya adalah topik kecil di bawah tajuk *Kaedah-Kaedah Perceraian Dalam Islam* dan hanya melihat perceraian fasakh serta peruntukan undang-undang berdasarkan Akta Undang-Undang Keluarga (Wilayah Persekutuan) 1984.<sup>19</sup>

Prof. Madya Dr. Mat Saad Abd. Rahman dalam buku beliau bertajuk *Undang-Undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*<sup>20</sup> juga ada memperkatakan tentang fasakh kerana penyakit, namun perbincangan yang dibuat agak ringkas dan hanya mengulas pendapat ulama' yang telah sedia ada. Satu lagi buku tulisan beliau ialah terjemahan kepada Kitab *Fiqh al-Mar'ah al-Muslimah* bab *al-Mu'amalat* oleh

<sup>18</sup> Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim (1999), *Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

<sup>19</sup> Dr. Mimi Kamariah Abd. Majid (1992), *Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia*, Malaysia: Butterworth Asia.

<sup>20</sup> Prof. Madya Dr. Mat Saad Abd. Rahman (1993), *Undang-Undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Shah Alam: Hizbi.

Ibrahim Muhammad Jamāl.<sup>21</sup> Perbincangan tentang isu fasakh disentuh dalam topik *Menuntut Talaq Kerana Kesulitan Yang Berat* dan perbincangannya juga tidak lari daripada apa yang dibuat oleh penulis-penulis yang lain iaitu hanya mengumpul dan mepusun kembali pandangan-pandangan ulama' mazhab silam serta dibuat sedikit ulasan .

Dalam topik tersebut, penulis kitab telah membahagikan *al-'ayb* yang membolehkan fasakh kepada dua kategori iaitu yang berhubung dengan anggota kelamin dan yang tidak berhubung dengan anggota kelamin ,di samping melihat kepada perbezaan pandangan ulama' secara ringkas.

Selain daripada tulisan-tulisan fuqaha' silam dan ulama' kontemporari, terdapat juga hasil-hasil kajian ilmiah atau disertasi yang pernah dibuat berkaitan dengan tajuk-tajuk fasakh dan didapati belum ada lagi hasil kajian ilmiah dan disertasi yang memfokuskan perbincangan mengenai hubungan fasakh kerana penyakit dengan sains perubatan. Jika ada pun disertasi yang menulis tentang perubatan moden tetapi ianya tidak berkaitan dengan penyakit-penyakit yang mengharuskan fasakh. Antara disertasi yang dimaksudkan ialah *Pemindahan Dan Penggantian Elemen Dalaman Dan Luaran Tubuh Manusia Menurut Perspektif Islam* (1999) oleh Nizaita binti Omar- dan *Tuntutan Fasakh Di Mahkamah Syarīah Wilayah Persekutuan 1978-1995* (1998) oleh Faizah Abu Bakar.

<sup>21</sup> Ibrāhim Muhammad Jamāl (1988), *Fiqh Wanita* Prof Madya Dr. Mat Sa'ad Abd. Rahman (terj.), Shah Alam: Hizbi.

Di samping merujuk kepada tulisan-tulisan yang membicarakan persoalan fasakh, penulis juga telah merujuk beberapa buku perubatan yang turut membincangkan tentang beberapa jenis penyakit yang dijadikan sebagai alasan untuk fasakh. Misalnya buku yang ditulis oleh Dr. Mohd Ismail Tambi (1995) bertajuk *Pengenalan Dan rawatan Sakit Tuan.*<sup>22</sup>

Selain itu buku-buku mengenai prinsip-prinsip perubatan juga telah di rujuk, antaranya ialah *Davidson's Principles And Practice Of Medicine* (1987) oleh John Macleod dan lain-lain,<sup>23</sup> *Dewhurst's Textbook Of Obstetrics And Gynaecology For Postgraduates* (1986) oleh C.R Whitfield dan lain-lain,<sup>24</sup> *The AIDS Handbook, A Guides To The Understanding And Prevention Of AIDS And HIV* (1993) oleh J. Hubley,<sup>25</sup> *AIDS Suatu Pendekatan Bersepadu Di Malaysia* (1997), Oleh Rusli Nordin dan lain-lain<sup>26</sup> dan buku yang ditulis oleh Jad Adams bertajuk *AIDS: The HIV Myth.*<sup>27</sup>

Penulis dapat bahawa buku-buku mengenai perubatan tersebut antaranya menerangkan tentang penyakit-penyakit yang berkaitan dengan fasakh sama ada secara langsung atau tidak langsung.

<sup>22</sup> Dr. Mohd Ismail Tambi (1995), *Pengenalan Dan Rawatan Sakit Tuan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

<sup>23</sup> John Macleod et.al. (ed.) (1987), *Davidson's Principles And Practice Of Medicine*, Churchill Living stone: Medical Division Of Longman Group.

<sup>24</sup> C.R Whitfield et.al. (ed.) (1986), *Dewhurst's Textbook Of Obstetrics And Gynaecology For Postgraduates*, Oxford: Blackwell Scientific Publication.

<sup>25</sup> J. Hubley (1993), *The AIDS Handbook A Guide To The Understanding And Prevention Of AIDS And HIV*, London: Macmillan Press Ltd.

<sup>26</sup> Rusli Nordin et.al. (ed.) ( 1997), *AIDS Suatu Pendekatan Bersepadu Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

<sup>27</sup> Jad Adams (1989), *AIDS: The HIV Myth*, London: Macmillan London Limited.

Namun ianya tidak menyentuh tentang persoalan fasakh. Apa yang penting ianya menjadi rujukan serta penjelasan terperinci kepada penyakit-penyakit tertentu apabila penulis membuat kajian tentang fasakh.

Dengan itu, buku-buku yang mempunyai kaitan secara langsung dalam membicarakan mengenai fasakh dan penyakit-penyakit yang mengharuskan fasakh secara mendalam berdasarkan kepada fakta-fakta sains perubatan masih belum dihasilkan lagi. Penulisan ini sangat perlu dan penting kerana kebanyakan daripada kitab-kitab *turāth* (klasik) yang telah dihasilkan oleh fuqaha' silam tidak menjelaskan secara mendalam mengenai penyakit-penyakit yang dibincangkan dalam bab fasakh mengikut fakta-fakta sains perubatan secara tepat memandangkan dunia sains dan perubatan moden hari ini telah melalui perkembangan yang pesat.

Sementara para ulama dan sarjana kontemporari pula hanya menyalin semula apa yang telah dihasilkan oleh ulama silam dan kemudiannya menyusun kembali dengan sedikit penambahan tanpa ada penyelidikan baru secara yang lebih efisen dan ilmiah.

Oleh kerana itu, penulisan seperti ini perlu diperluaskan untuk kepentingan dunia akademik di samping dapat memberikan maklumat yang lebih luas kepada masyarakat umum.

## **Metodologi Kajian**

Berdasarkan kepada tajuk kajian iaitu “*Peranan Sains Perubatan Dalam Menentukan Hukum Keharusan Fasakh Kerana Penyakit*”, kajian yang akan dilakukan adalah berbentuk kajian perpustakaan untuk mendapatkan segala bahan penulisan yang diperlukan bagi menyiapkan kajian tersebut. Bahan-bahan yang diperlukan meliputi bahan primer dan sekunder, dan sama ada mempunyai perkaitan secara langsung ataupun tidak langsung dengan bidang kajian.

Maklumat-maklumat yang diperlukan pula diperolehi daripada pelbagai media, baik media cetak maupun media elektronik. Antaranya seperti kitab-kitab fiqh *turāth*, buku-buku, jurnal, majalah, artikel, akhbar, kertas kerja, internet dan sebagainya. Untuk tujuan tersebut, penulis mendapat kemudahan pinjaman dari berbagai perpustakaan seperti berikut:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Fakulti Perubatan Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Tun Abdul Razak Universiti Teknologi Mara (UiTM).
4. Perpustakaan UiTM Kampus Seksyen 17, Shah Alam.
5. Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam.
6. Perpustakaan Awam Selangor.

Berasaskan kepada penyelidikan perpustakaan, penulis telah menggunakan pendekatan induktif dan deduktif. Menerusi metod induktif, penulis cuba mengumpul seberapa banyak data-data serta maklumat-maklumat berkaitan yang

diperlukan untuk mendapatkan satu keputusan yang tepat. Untuk mencapai tujuan di atas, pengumpulan data-data perlu melalui proses-proses berikut:

1. Penulis merujuk kepada nas-nas syarak dari al-Qur'an dan al-Sunnah yang berkaitan dengan fasakh kerana penyakit . Seterusnya melihat kepada tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh *mufassirin* seperti *Tafsir al-Qurtubī*, *Tafsir Ahkām al-Qur'ān* dan lain-lain.
2. Penulis juga melihat kepada pandangan-pandangan serta perbezaan pendapat di kalangan fuqaha' mazhab mengenai penyakit-penyakit yang dimaksudkan; seterusnya melihat kepada alasan-alasan yang dikemukakan oleh mereka.
3. Penulis juga perlu mengkaji dan meneliti pandangan dari pakar-pakar perubatan terhadap penyakit-penyakit yang telah dikategorikan oleh fuqaha' dari sudut sejauhmana ia boleh diterima sebagai alasan fasakh selain mendapatkan saranan atau pandangan daripada mereka untuk menyelesaikan permasalahan rumahtangga yang dihadapi oleh masyarakat yang menghadapi masalah penyakit. Maklumat ini diperoleh secara temu bual dengan pakar, merujuk kepada buku-buku yang ditulis oleh pakar, artikel, jurnal, majalah, akhbar dan sebagainya.

Setelah penulis mendapatkan semua maklumat, data-data serta bahan yang diperlukan, metod deduktif pula akan digunakan di mana melalui kaedah ini, penulis akan membuat rumusan.

Kesimpulan yang diperolehi akan menentukan adakah faktor penyakit seperti yang dinyatakan oleh fuqaha' silam masih lagi relevan. Melalui rumusan itu juga,

penulis akan cuba melihat sama ada wujud atau tidak penyakit-penyakit lain yang mempunyai kriteria yang sama.

Rumusan dan kesimpulan ini akan diperkuuhkan lagi dengan keterangan-keterangan daripada pakar-pakar perubatan daripada hospital, Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pusat Kusta di Sungai Buluh, Hospital Permai, Johor Bahru dan sebagainya.